



TEKS UCAPAN

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
MAJLIS SUBUH PERDANA BERSAMA
YAB KETUA MENTERI MELAKA
TAHUN 2022M 1443H**

**TARIKH: 20 FEBRUARI 2022 (AHAD), MASA: 6.00 PAGI
MASJID AL-AZIM, BUKIT PALAH, MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis;

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka;

Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Dato' Che Sukri bin Che Mat,
Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Wira Hj Md Rawi bin Mahmud,
Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka;

Yang Berusaha Tuan Haji Muhammad Ikram bin Ibrahim,
Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Haji Mohammad bin Hashim Al-Hafiz,
Imam Besar Masjid Al-Azim;

Yang Berbahagia Profesor Madya Dato' Dr. Haji Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim,
Penceramah kita pada pagi ini;

Yang Berusaha Ustaz Ahmad Tarmizi bin Haji Ali, yang mengalunkan zikir munajat sebelum subuh tadi,

Seterusnya, Ketua-ketua Jabatan, Jawatankuasa Masjid dan Surau Negeri Melaka, Pegawai Syarak, Guru JAIM Negeri Melaka, Sidang Hadirin dan Hadirat Jemaah Masjid Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

1. Alhamdulillahi rabbil a'lamin, dengan rahmat Allah yang Maha Kuasa, kita dapat bersama-sama berkumpul pada awal pagi penuh keberkatan ini di Majlis Subuh Perdana di Masjid Al-Azim, Masjid Negeri Melaka.

2. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Agama Islam Melaka dan pentadbiran Masjid Al-Azim, Masjid Negeri Melaka kerana menganjurkan program pada pagi ini.

Sidang hadirin dan hadirat Jemaah Masjid Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

3. Pada pagi ini, kita bersama-sama menyahut seruan Ilahi untuk terus mengimarahkan rumah Allah SWT. Alhamdulillah, kita diizinkan datang beriktfikaf, solat subuh berjemaah, seterusnya mendengar tazkirah atau pesanan berkaitan dengan kebaikan dan keimanan.

4. Bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 18 yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta (tetap) melaksanakan salat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada apa pun) kecuali kepada Allah. Maka mudah-mudahan mereka termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk”.

5. Bukan itu sahaja, kita juga sekarang berada dalam bulan yang mulia, iaitu bulan Rejab iaitu **18 Rejab bersamaan 1443 Hijriyyah**. Pada bulan ini, ulama mengatakan berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj, peristiwa di mana Rasulullah SAW naik ke langit dan menerima titipan solat fardhu lima waktu setiap hari.
6. Justeru, bersempena dengan bulan yang mulia ini, perkuatkanlah azam kita agar sentiasa mendirikan solat menyembah Allah SWT, lebih baik lagi kita solat di awal waktu, dan lebih baik lagi jika kita solat secara berjemaah di masjid ataupun surau. Pada bulan Rejab ini juga, saya menyeru untuk kita sama-sama mempertingkatkan keimanan kita kepada Allah SWT

dengan meningkatkan mutu ibadah solat kita. Semoga amalan kita diterima Allah SWT.

Sidang hadirin dan hadirat Jemaah Masjid Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

7. Walaupun kita berada dalam zaman pandemik COVID-19, sebenarnya ia tidak menghalang kita untuk mengimarahkan masjid Allah SWT. Yang paling penting, kita sentiasa mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan bagi menjauhkan diri dari jangkitan wabak ini. Memang tidak dinafikan, kita semua sentiasa sibuk dengan urusan dunia dan keluarga, jadi secara peribadinya,

saya merasakan bahawa waktu yang paling baik untuk kita mengimarahkan masjid ialah pada waktu solat subuh, di mana kita kebiasaannya tidak mempunyai ketentuan lain dari urusan keduniaan.

8. Lupakanlah sebentar hiruk pikuk dunia, alangkah indahnya pada waktu subuh, kita datang ke masjid, berjemaah, bermunajat dan berzikir kepada Allah SWT. Allah menceritakan tentang orang yang mendapat petunjuknya sebagaimana firman-Nya dalam **surah Ar-Ra'du ayat 27** yang bermaksud: "*(iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah*". **Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.**"

9. Selain itu, di dalam hadis Rasulullah SAW juga banyak diceritakan berkaitan kelebihan solat berjemaah terutamanya di masjid. Dalam hadis riwayat Muslim, Ibnu Umar Radhiallahu Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, ***“sesungguhnya solat berjemaah adalah dua puluh tujuh kali ganda lebih afodal daripada solat bersendirian”.***
10. Jika kita menghayati perjalanan Rasulullah SAW, baginda tidak pernah terlepas dari solat berjemaah di masjid bersama dengan sahabat Baginda. Daripada hubungan yang terjalin dari solat berjemaah,

terjalinlah kekuatan ummah hasil didikan Rasulullah SAW sehingga menjadikan ummah Muslim satu ummah yang kuat dan bersatu padu.

11. Itulah roh Islam yang cuba kita terapkan dalam majlis sebegini. Saya mengimpikan rakyat Negeri Melaka yang beragama Islam memenuhi masjid-masjid dan surau-surau Negeri Melaka demi mengukuhkan tali persaudaraan sesama kita dan menjadikan kita ummah yang kuat. Imam Abu Daud meriwayatkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud

“Mana-mana kumpulan yang jumlahnya tiga orang, sama ada di sebuah kampung atau desa atau di pendalaman yang tidak mendirikan solat berjemaah, nescaya mereka akan dikuasai oleh syaitan, maka hendaklah kamu berjemaah, kerana sesungguhnya serigala itu memakan ternakan yang jauh terpencil daripada kumpulannya.”

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

12. Di Negeri Melaka, kita mempunyai sebanyak **213 buah masjid** dan **lebih 800 buah surau**. Setiap pagi, kita mendengar laungan azan bersahutan dari masjid-

masjid dan surau-surau Negeri Melaka. Boleh dikatakan hampir di setiap ceruk Negeri Melaka mempunyai masjid dan surau demi kepentingan dan kesejahteraan buat kita semua.

13. Di samping ibadah solat, masjid dan surau juga adalah tempat kita mendalami ilmu agama. Oleh itu, saya merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada jawatankuasa masjid dan surau di Negeri Melaka, yang tidak jemu-jemu berusaha mengimarahkan masjid dengan majlis-majlis ilmu seperti pagi ini, selepas solat subuh tadi, kita bersama dengan penceramah kita bagi menikmati santapan

rohani. Saya berdoa semoga kita sentiasa berada dalam hidayah Allah SWT. Insha-Allah, amiin.

Sidang hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

14. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Datuk Wira Haji Md Rawi bin Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Masjid Al-Azim, Masjid Negeri Melaka. Terima kasih juga diucapkan kepada Datuk Imam Besar, atas penganjuran majlis pada pagi ini. Saya berharap, usaha ini dicontohi oleh masjid-masjid yang lain, dan kita bersama-sama menggembangkan usaha agar roh agama menyinari

seluruh pelosok Negeri Melaka khasnya dan Malaysia amnya.

15. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Majlis Subuh Perdana Masjid Al-Azim Negeri Melaka pada pagi ini.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabakatuh.